

STIMAR HARUAN
(CENTRAL) 16/11/2016
m/s 36

Jom Lepak@ Masjid imarah rumah ALLAH

KUANTAN- Pusat Islam dan Pembangunan Insan (Pimpin), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Masjid At-Taqwa, Pekan menganjurkan Program Jom Lepak @ Masjid, pada 11 hingga 12 November lalu.

Program itu merupakan kesinambungan aktiviti dijalankan di Masjid Tanjung Selangor, Pekan, Masjid Paya Bungor dan Masjid Lama Permatang Badak Kuantan sebelum ini.

Pengarah Program, Shahrul Nizam Md Ahir berkata, penganjurannya kali ini adalah satu siri jelajah komuniti dan revolusi dalam penjenamaan UMP bagi program khidmat komunitinya.

Menurutnya, melalui program itu, diterapkan elemen dakwah, ibadah dan khidmat sosial kepada masyarakat setempat sekali gus membuktikan mahasiswa universiti dan komuniti tidak dapat dipisahkan.

“Objektif utama program ini untuk menyeru masyarakat setempat terutama generasi muda mengimarahkan masjid selain salah satu medium bagi warga UMP untuk berbakti kepada masyarakat.

“Program dua hari ini melibatkan penyertaan 80 pelajar UMP dari kampus Pekan dan Kampus Gambang,” katanya.

Beliau berkata, antara aktiviti dijalankan termasuk Forum Muqarabin bertajuk 'Wasiat Luqman Al Hakim' dengan panelnya, Pengetua Maahad Tahfiz Ribath al-Mustafa, Uwais Al-Qarni Abdul Wahab dan PU Lokman.

“Aktiviti lain ialah qiamul-lail, kuliah Subuh, gotong-ro-yong memasak dan bersihkan masjid bersama jemaah Masjid At-Taqwa Pekan,” katanya.